

NAMA:.....

TINGKATAN:.....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK**

**MODUL INTERVENSI SPM 2026  
SET 1**



**PERNIAGAAN  
KERTAS 1  
1 jam 15 minit**

**ARAHAN :**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

*Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak*

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**

1 Organisasi yang manakah tidak bermotifkan untung?

- A Klinik Dr Azhar dan Rakan-rakan
- B Restoran Makan Amirah
- C Majlis Belia Perak
- D Merbau Maju PLT

2 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri rakan kongsi.

- Menyumbangkan modal
- Tidak terlibat dalam pengurusan
- Menanggung liabiliti tidak terhad

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- |         |           |
|---------|-----------|
| A Lelap | C Biasa   |
| B Aktif | D Nominal |

3 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sektor tertier?

- A Azrul menjalankan aktiviti ternakan ikan air tawar
- B Pak Yusof menghasilkan mi kuning menggunakan resepi warisan keluarga
- C Syazs Sdn. Bhd. terlibat dalam industri pembinaan jambatan.
- D Fairuz menjadikan ladang ternakan kambingnya sebagai tempat kunjungan ramai.

4 Pernyataan manakah yang menerangkan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana?

- A Pengkhususan kerja mudah dilakukan
- B Pekerja berpengalaman mudah diperolehi
- C Perniagaan menikmati ekonomi bidangan
- D Perubahan dalam strategi perniagaan mudah dilaksanakan

- 5 Pernyataan manakah menerangkan francaisi?
- A Francaisi mengalami risiko kegagalan yang rendah berbanding francaisor
  - B Francaisor berhak menggunakan cap dagangan francaisi
  - C Francaisor membuat bayaran fi kepada francaisi
  - D Francaisi mengenakan kawalan berterusan kepada francaisor
- 6 Gambar 1 merupakan logo sebuah agensi kerajaan



Gambar 1

Antara berikut, yang manakah peranan agensi tersebut kepada peniaga?

- I Memberi pelepasan cukai
  - II Memberi latihan dan seminar
  - III Menyediakan kemudahan infrastruktur
  - IV Menyediakan pusat perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 7 Apakah peranan Bank Negara Malaysia?
- A Menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan
  - B Menerbitkan syer syarikat awam berhad
  - C Menawarkan pembiayaan kepada orang ramai
  - D Memantau dan mengawal keadaan ekonomi

- 8 Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah pengangguran bermusim?
- A Mengehadkan penggunaan mesin moden untuk proses tertentu
  - B Menyediakan insentif kepada peniaga yang membenarkan pekerja terus bekerja
  - C Merancang ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi semasa
  - D Melaksanakan dasar fiskal untuk mengekang kemelesetan ekonomi
- 9 Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan faktor dalaman bagi trend menurun?
- I Ketidaksesuaian gaya pengurusan dengan pekerja
  - II Ketidakstabilan politik sesebuah negara
  - III Keadaan ekonomi yang lembap
  - IV Kadar pengeluaran yang sedikit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 10 Maklumat berikut merupakan pemacu dalam pencapaian sesebuah organisasi perniagaan.
- Z** ialah

  - Pernyataan ringkas untuk menjelaskan tujuan utama perniagaan
  - Ketetapan dalam mencapai matlamat
- Apakah **Z**?
- A Visi
  - B Misi
  - C Objektif
  - D Hala tuju
- 11 Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi perniagaan?
- A Undang-undang
  - B Sosiobudaya
  - C Kewangan
  - D Teknologi

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**



- 12 Apakah faktor yang dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan?
- A Belian
  - B Produk
  - C Kos overhead
  - D Syer pasaran
- 13 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai objektif perniagaan?
- I Jualan merosot
  - II Berlaku deflasi
  - III Pengangguran meningkat
  - IV Gagal dalam persaingan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 14 Apakah maksud Titik Pulang Modal (TPM)?
- A Jumlah hasil kurang daripada jumlah kos
  - B Jumlah hasil melebihi jumlah kos
  - C Jumlah hasil jualan ialah sama dengan jumlah kos pengeluaran
  - D Jumlah hasil ialah sama dengan jumlah kos berubah
- 15 Apakah tujuan setiap bahagian fungsian dalam perniagaan?
- A Membolehkan penumpuan pada bidang tugas yang diberikan
  - B Memudahkan arahan diberikan oleh pengurus atasan
  - C Mempercepatkan pencapaian objektif perniagaan
  - D Memastikan undang-undang perniagaan dilaksanakan

- 16 Maklumat berikut berkaitan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.

Encik Ramesh berada di luar negara kerana urusan peribadi. Beliau ingin memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaannya yang telah tamat tempoh.

Apakah aplikasi teknologi maklumat yang boleh digunakan oleh Encik Ramesh?

- A e-dagang
  - B e-banking
  - C e-pemasaran
  - D e-government
- 17 Pernyataan manakah yang menerangkan fungsian penyelidikan dan pembangunan?
- A Menambah baik produk sedia ada
  - B Menukarkan input menjadi barang
  - C Menggalakkan berlaku pertukaran barang
  - D Menggunakan alat transaksi untuk pertukaran barang
- 18 Bagaimanakah pengurus sumber manusia dapat menjaga kebajikan pekerja?
- A Melaksanakan program motivasi
  - B Menyediakan skim latihan kemahiran
  - C Menyediakan kemudahan klinik panel
  - D Mengamalkan prinsip pengkhususan tugas
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bagi suatu bahagian fungsian.

| Bahagian Fungsian | Peranan                       |
|-------------------|-------------------------------|
| <b>P</b>          | Memastikan keselamatan sistem |

Apakah **P**?

- A Pengagihan
- B Khidmat pelanggan
- C Pengurusan sumber manusia
- D Teknologi maklumat dan komunikasi

- 20 Apakah kelebihan e-dagang kepada peniaga?
- A Meluaskan liputan pasaran
  - B Mengurangkan persaingan
  - C Memudahkan jualan kredit
  - D Mengurangkan risiko penyelewengan
- 21 Bagaimanakah pengurus sumber manusia dapat menjaga kebajikan pekerja?
- A Melaksanakan program motivasi
  - B Menyediakan skim latihan kemahiran
  - C Menyediakan kemudahan pengangkutan
  - D Mengamalkan prinsip pengkhususan kerja
- 22 Antara yang berikut yang manakah contoh jenis faedah?
- I Bonus Tunai
  - II Komisen
  - III Elaun
  - IV Upah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23

Pekerja perlu diberikan penerangan tanggungjawab tertentu dengan jelas.

Apakah yang perlu dilakukan oleh pengurusan sumber manusia?

- A Merancang deskripsi tugas
- B Memantapkan budaya professional
- C Membentuk persekitaran kerja yang harmoni
- D Membangunkan pasukan bagi mencapai sasaran

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**



- 24 Gambar 2 menunjukkan sumber fizikal di sebuah kilang.



Gambar 2

Bagaimanakah pengurusan aset tersebut dilaksanakan?

- I Perlindungan insurans dan keselamatan
- II Penyelenggaraan berkala
- III Mengetatkan sistem kawalan
- III Diurus oleh pekerja yang berkemahiran

- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 25 Apakah contoh karya yang boleh dilindungi di bawah hak cipta terpelihara?

- A Reka bentuk
- B Jenama produk
- C Karya terbitan
- D Kemahiran khusus



26 Antara yang berikut, yang manakah merupakan contoh sumber teknologi di sebuah perniagaan?

- I Sofa
- II Bahan mentah
- III Lesen perisian
- IV Muzik dan video

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

- Syarikat Z membeli akaun penghutang pada harga diskaun.
- Syarikat Z akan mengutip hutang daripada pelanggan.

Apakah sumber pembiayaan tersebut?

- A Syer
- B Sewa beli
- C Pajakan
- D Pemfaktoran

28 Apakah kelebihan meminjam daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)?


- A Memerlukan penjamin
- B Faedah dikenakan rendah
- C Tempoh bayaran balik pendek
- D Jumlah pinjaman maksimum RM50 000

- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan daripada bank dan institusi kewangan.

- |                                                                                                                         |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan kredit</li> <li>• Disediakan kepada pemegang akaun semasa</li> </ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah sumber pembiayaan tersebut?

- A Sewa beli  
 B Pajakan  
 C Overdraf  
 D Pemfaktoran
- 30 Rajah 1 berkaitan dengan sejenis kos.




Rajah 1

Apakah contoh lain kos X?

- A Ansuran pinjaman  
 B Sewa kilang  
 C Premium insurans  
 D Bayaran bahan mentah
- 31 Mengapakah analisis titik pulang modal penting kepada perniagaan?
- A Menentukan kos yang terlibat  
 B Menganggarkan kuantiti yang perlu dikeluarkan  
 C Menentukan tahap minimum jualan perlu dibuat  
 D Menilai prestasi perniagaan daripada aktiviti jualan yang dibuat

- 32 Rajah 1 berkaitan dengan analisis nisbah kecekapan.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Z?

- A Mengukur kecekapan membayar pinjaman jangka pendek
  - B Menunjukkan kecekapan dalam pengurusan asset
  - C Menunjukkan kecekapan pengurusan operasi
  - D Mengukur kecekapan mengawal harga jualan
- 33 Gambar 3 menunjukkan Cik Bee, seorang pengasas produk kecantikan.



Saya yakin dan positif bahawa produk kecantikan saya akan menjadi pilihan ramai dan bukan Sahaja di Malaysia malah turut dikenali negara jiran.

Gambar 3

Apakah peranan Cik Bee kepada negara?

- A Meningkatkan nilai sumber
- B Sumber pendapatan diri dan keluarga
- C Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
- D Memperkenalkan produk tempatan ke luar negara.

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**



- 34 Gambar 4 menunjukkan jenis stok.



Gambar 4

Mengapakah stok tersebut dikatakan stok yang berisiko rendah?

- A Mudah rosak
  - B Boleh dijual dengan cepat
  - C Perlukan khidmat selepas jualan
  - D Diambil dari laut dan mudah diperoleh
- 35 Antara yang berikut, yang manakah merupakan keberuntungan perniagaan kepada usahawan?
- I Meningkatkan imej perniagaan
  - II Menyediakan peluang pekerjaan
  - III Mempelbagaikan produk baharu
  - IV Melakukan tanggungjawab sosial
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 36 Apakah dokumen yang terlibat dengan rekod ambilan?
- A Resit
  - B Memo
  - C Invois
  - D Bil Tunai

- 37 Apakah campuran pemasaran bagi perniagaan yang membuat penetapan nilai terhadap perkhidmatannya?
- A Promosi
  - B Agihan
  - C Harga
  - D Produk
- 38 Apakah borang yang digunakan untuk mengemaskini maklumat perniagaan yang telah didaftarkan?
- A Borang B
  - B Borang A
  - C Borang PNA 42
  - D Borang D
- 39 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor yang perlu dipertimbangkan oleh peniaga dalam menentukan harga jualan?
- I Kos
  - II Populariti produk
  - III Imej perniagaan
  - IV Harga pesaing
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 40 Apakah perkara yang perlu terkandung dalam ringkasan eksekutif?
- I Carta organisasi
  - II Nama perniagaan
  - III Bentuk perniagaan
  - IV Spesifikasi tugas pekerja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]  
**SULIT**



[Lihat halaman sebelah]

**SULIT**